

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN**

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]

TARIKH : 10 OKTOBER 2019

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk meningkatkan pengeluaran getah seperti membina jalan raya menggunakan getah di seluruh Malaysia. Ini kerana terdapat uji kaji penggunaan getah untuk membina jalan raya telah pun disahkan dan mantap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan akan terus komited memastikan harga pasaran getah dapat distabilkan dengan meningkatkan penggunaan getah domestik. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta pada tahun ini bagi pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya berasaskan getah daripada *cuplump modified bitumen* (CMB). Projek ini sedang dilaksanakan oleh pihak JKR dan dipantau oleh pihak LGM. Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua, projek ini akan merangkumi sepanjang 202 km dengan anggaran penggunaan getah sebanyak 450MT-500MT di seluruh Malaysia. Oleh demikian, projek ini dapat meningkatkan penggunaan getah domestik dan memberi impak kepada harga getah dengan mengurangkan stok antarabangsa dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.